



Headline	Mapex 2016 Rehda Pahang sasar jana jualan RM600 juta
MediaTitle	Sinar Harian
Date	06 Oct 2016
Section	Nasional
Page No	50
Language	Malay
Journalist	N/A
Frequency	Daily



Mapex 2016: Rehda Pahang sasar jana jualan RM600 juta

KUANTAN – Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (Rehda) Pahang menyasarkan RM600 juta hasil jualan mampu dijana daripada nilai keseluruhan perumahan yang ditawarkan kepada pengunjung sempena Ekspo Hartanah Malaysia (Mapex) 2016 pada 14 hingga 16 Oktober ini.

Pengerusinya, Chua Say Chai berkata, 29 pemaju perumahan membabitkan 107 projek ditawarkan dalam ekspo perumahan yang berlangsung di pusat beli-belah Kuantan Parade di sini.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 98 projek ditawarkan di Pahang, Terengganu (5), Melaka (3) dan Kuala Lumpur (1).

"Nilai keseluruhan dipamerkan di ekspo ini kira-kira RM1.2 billion bagi 3,353 unit hartanah bagi seluruh projek dijalankan beberapa bulan sebelum ini.

"Unit hartanah ditawarkan meliputi rumah

kediaman pelbagai jenis termasuk teres, kembar, bertingkat, kondominium, rumah kedai, pejabat dan lot komersial," katanya di sini, kelmarin.

Say Chai berkata, Mapex satu platform ideal untuk orang ramai bertemu pemaju, pembiaya kewangan dan pakar hartanah dengan pelbagai hartanah kediaman dan komersil di bawah satu bumbung.

"Kami yakin orang ramai akan tertumpu ke pameran ini kerana pelbagai unit rumah dan lot komersial ditawarkan berdasarkan kemampuan pembeli.

"Justeru itu, Mapex dapat membantu pembeli rumah membuat satu daripada keputusan paling penting dalam hidup mereka, iaitu pelaburan hartanah," katanya.

Menurutnya, pameran tersebut turut disertai unit perumahan kerajaan negeri bagi membolehkan rakyat turut sama melihat projek Perumahan 1Malaysia dan sekretariat Rehda Pahang.



Say Chai (dua, kiri) dan ahli jawatankuasa Mapex 2016 bercakap kepada pemberita ketika sidang media kelmarin.